



UKQE3001 - 01

Extra-Curricular Experiential Learning (ExCEL)

2020/2021 – 1

Refleksi:

SC: BBQ/Spring Cleaning Participants (SCSR Family Day)

Disediakan untuk:

Dr. Chuzairy bin Hanri

Pensyarah Kanan (DS51) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Sekolah Pendidikan UTM

Disediakan oleh:

Idzni bin Mohamed Rashid – A18CS0075

Fakulti Kejuruteraan, Sekolah Komputeran

Reporting Program ini telah dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia Pusat Kerjaya bahagian Fakulti Kejuruteraan Sekolah Komputeran yang dikashkan hanya untuk pelajar yang mengambil bidang Sains Komputer (Rangkaian dan Keselamatan Komputer) atau lebih dikenali sebagai SCSR.

Program BBQ dan gotong-royong perdana ini melibatkan semua ahli pelajar rangkaian komputer sahaja dan diatur oleh pelajar itu sendiri dengan hanya memerlukan sedikit bantuan daripada pihak akademik dan pensyarah.

Program ini telah dirancang satu bulan lebih awal dari tarikh kejadian pada 6 Mac 2020. Seramai lebih kurang 80 orang pelajar telah melibatkan diri secara sukarela demi mencantikkan sekolah komputeran dan aras khas bagi bidang Rangkaian Komputer.

Setiap pelajar akan dirberi tugas mengikut tahun masing-masing. Di mana, bagi pelajar tahun satu mereka ditugaskan untuk mengecat dan membersihkan aras khas Rangkaian Komputer.

Saya dapat merungkaikan di sini, kerja amal bagi tahun satu sangat mengagumkan dan sangat teliti setiap bucu dinding, setiap bucu lantai dicat dengan mural yang penuh memberi motivasi kepada setiap pelajar yang lalu Lalang di aras tersebut.

Mereka juga sangat cermat dalam mengemas dan membersihkan aras tersebut. Semua pelajar tahun satu sangat bekerjasama demi membersihkan persekitaran daripada sampah-sampah yang boleh menyebabkan persekitaran menjadi kotor dan tidak teratur.

Selesai bagi tahun satu, di sini saya juga akan menerangkan peranan bagi pelajar tahun dua dan tahun tiga di mana kami semua perlu mengatur acara malam BBQ. Pelajar tahun dua seperti saya telah ditugaskan di sektor penyediaan makanan yang mana semua pelajar tahun dua

bekerjasama mencari bahan masakan, meminjam alat-alatan masak dan mencari tempat yang sesuai untuk penyediaan masakan.

Kami pelajar tahun dua telah sebulat suara dalam pemilihan menu makanan dan cara penyediaan makanan tersebut. Kami bertungkus lumus memotong bahan mentah, menyediakan makanan sampingan seperti nasi goreng, kuah *gravy*, dan snek-snek seperti *nugget*, *sausage*, *mash potato*, *coleslaw*. Kami juga perlu menyediakan air minuman untuk diminum pada malam kejadian.

Bagi saya, tugasaan saya adalah untuk memasak dan memotong bahan mentah. Banyak yang saya pelajari daripada rakan-rakan tentang cara memotong dengan betul dan cara-cara memasak dengan betul, cara perapan ayam dan daging dengan betul. Kami saling bertuakar idea dan pendapat demi menjalinkan hubungan yang erat antara kami.

Bagi pelajar tahun tiga, mereka perlu memanggang segala jenis bahan perapan seperti ayam, daging dan sebagainya. Mereka juga perlu mencari tempat yang sesuai untuk program ini berjalan.

Oleh itu, balai cerap telah dipilih dan dipersetujui setiap ahli jawatan kuasa pelajar dan juga pihak akademik serta pensyarah.

Balai cerap merupakan tempat yang strategik kerana ia merupakan tempat yang sangat dekat dengan sekolah komputeran dan tempat tersebut juga menyediakan tempat untuk memanggang bahan perapan.

Ramai di antara pelajar tahun tiga turut mengambil bahagian walaupun mereka terlalu sibuk dengan projek dalam subjek mereka masing-masing. Ini menunjukkan bahawa sikap bertoleransi sangat kuat diterapkan di dalam pendirian masing-masing.

Mereka sangat bersemangat dalam segala tugas yang diberikan dengan penuh kegigihan demi memastikan setiap makanan yang disediakan bersih dan enak.

Untuk pelajar tahun empat, ditugaskan untuk membuat dokumentasi setiap perjalanan di atas kerta hitam putih, mereka perlu membuat atur cara tentative tentang program ini. Dari permulaan program gotong-royong ini dilaksanakan pada sebelah siang hingga ke penutup program iaitu majlis makan malam BBQ yang dilaksanakan pada sebelah malam.

Setiap tetamu jemputan mereka perlu menjemput dengan cara yang sopan iaitu melalui aplikasi *What's App* dan kad jemputan. Mereka semua bekerjasama bagi memastikan program ini berjalan lancar.

Responding Saya rasa program seperti ini perlu kerap dianjurkan kerana ia mampu merapatkan hubungan antara kaum dan bangsa. Ia bukan sahaja mampu merapatkan hubungan antara pelajar tempatan, akan tetapi ia mampu menjalinkan hubungan yang erat dengan pelajar asing.

Hal seperti ini, kita sebagai pelajar mampu mencerminkan imej yang positif dan baik untuk orang asing. Justeru itu, ia mampu meningkatkan hubungan walaupun bukan hubungan diplomatik. Akan tetapi ia mampu mengeratkan hubungan antara pelajar serantau dunia.

Oleh itu, saya memerhatikan bahawa sebelum program ini dijalankan, hubungan pelajar tempatan dan asing sangat jarang. Akan tetapi, kelakuan ini amat dititik beratkan di dalam Universiti Teknologi Melaka yang selalu menganjurkan program yang melibatkan semua jenis kaum dan bangsa duduk berkomunikasi di bawah satu bumbung.

Selain itu, saya juga mempercayai sebelum program ini diaturkan, pelajar hanya tahu mementingkan diri sendiri. Oleh itu, program ini telah melahirkan sifat bekerjasama di antara pelajar tempatan yang berbilang kaum dan pelajar asing. Ini sangat jelas dilihat apabila program

ini dijalankan yang mana setiap pelajar saling bekerjasama membanting tulang dalam usaha menjayaan program ini.

Sifat kerja berpasukan sangat diperlukan setiap kumpulan dari pelbagai latar belakang untuk datang bersama-sama dan berkongsi pengalaman mereka. Impaknya, persekitaran seperti ini dapat memupuk pendapat yang pelbagai, pendekatan dan teknik penyelesaian masalah.

Tahap kepelbagaian ini menjana pemahaman budaya, peningkatan komunikasi melalui pengetahuan kolektif pendekatan dan sumber idea yang lebih besar. Sebaliknya, apabila sesebuah organisasi mempunyai kekurangan kerja berpasukan atau kerjasama, ia mampu menjejaskan proses penyelesaian masalah.

Saya juga mendapati bahawa dalam program seperti ini perlukan sifat berkomunikasi dengan baik. Sebagai contoh, pelajar tahun dua berbincang dengan baik dalam memnentukan menu yang akan disediakan.

Pelajar tahun satu berkomunikasi dalam membersihkan aras khas Rangkaian Komputer dan mencantikkan aras terebut. Pelajar tahun tiga berkomunikasi dengan baik dalam proses memanggang bahan perapan agar tidak kehabisan makanan. Dan juga pelajar tahun empat yang tidak henti-henti berurusan dengan pihak atasan untuk membenarkan program ini dijalankan.

Komunikasi yang berkesan dapat memupuk kepercayaan kepada orang lain. Keupayaan pelajar untuk mendengar dengan penuh perhatian dan merangkul sudut pandangan yang berbeza membantu orang lain mempercayai bahawa anda membuat keputusan yang optimum untuk semua orang dalam kumpulan.

Semasa pelajar berkhidmat sebagai ketua, kepercayaan ini akan diperluaskan kepada pasukan mereka dan mereka akan merasa seolah-olah mereka boleh mempercayai rakan sepasukan mereka untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab mereka.

Dengan kemahiran komunikasi yang betul, pelajar dapat memberikan harapan dan objektif yang jelas untuk pasukan mereka. Ini melibatkan mencari cara yang membina untuk menunjukkan apabila sesuatu yang tidak berfungsi serta memberikan maklum balas yang berguna untuk mendapatkan orang kembali di landasan yang betul. Pelajar akan memahami tugas dan tanggungjawab khusus mereka, serta rakan sepasukan mereka, yang akan membantu menghapuskan konflik dan kekeliruan.

Relating Antara pengetahuan yang saya bawa bersama saya semasa mengikuti program ini ialah sifat keterbukaan kepada setiap idea yang dibentangkan secara positif. Kaedah seperti telah memupuk diri saya untuk lebih berfikiran waras dan matang.

Sikap keterbukaan merupakan salah satu corak komunikasi kepimpinan yang sangat penting dalam sesebuah organisasi. Dalam kata lain, pemimpin yang mempunyai sikap terbuka dapat diperlihatkan dalam erti kesanggupan seseorang itu untuk menerima teguran yang membina.

Pemimpin juga perlu bersedia untuk mendengar dan menerima pendapat yang diutarakan oleh orang lain atau rakan sekumpulan supaya mudah untuk berbincang dalam segala masalah serta bersedia berkongsi maklumat berkaitan tugas dengan tugas berkumpulan.

Sebelum ini saya sangat susah untuk terima pendapat orang lain kerana saya takut mereka akan menjeleaskan ideologi saya. Dahulu saya selalu berkeras kepala dan sering menepis cadangan orang lain. Akan tetapi program ini telah mengubah cara saya dalam kumpulan untuk lebih terima cadangan yang dikemukakan.

Pengetahuan lain yang saya bawa bersama semasa program ini adalah untuk menerapkan sifat bantu membantu dan tolong menolong antara satu sama lain. Tolong menolong merupakan satu keperluan dalam kehidupan kita.

Sebagai manusia yang mempunyai kudrat yang berlainan, kelebihan kita dalam suatu perkara dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri malahan pada orang lain dan rakan sekerja yang memerlukan.

Begitu juga kelebihan orang lain akan memberi kebaikan kepada kita. Untuk memapmerkan hubungan yang harmoni dan saling melengkapi sesama insan maka kita memerlukan antara satu sama lain.

Jadi antara konsep penting yang perlu ada dalam perhubungan sesama manusia ialah tolong-menolong. Kamus Dewan Edisi Ke-4, menerangkan konsep tolong menolong ini membawa maksud bantu membantu dengan memberi tenaga kita meringankan beban orang yang memerlukan.

Sebelum ini saya mempunyai perangai yang sangat tidak enak iaitu selalu mengendahkan orang lain meminta tolong. Saya cuma akan mengatakan saya sibuk dan sebagainya, saya akan cuba mengelak dari memberi bantuan dengan seribu satu alasan.

Akan tetapi program ini telah mengubah cara saya bergaul dengan orang sekeliling saya. Kini saya lebih senang untuk membantu orang lain setakat mana yang saya mampu. Saya juga tidak akan menerima upah jika mereka menawarkan.

Penyertaan yang aktif dalam proses membuat keputusan mewujudkan peluang dalam membina pasukan yang unik. Ia mampu memberi inspirasi kepada perdebatan yang waras dalam perbincangan berkenaan topik penting apabila konsep ini diterima secara profesional.

Proses ini juga mewujudkan kelebihan sekunder di mana kemahiran setiap ahli pasukan mampu di jadikan tauladan dalam kumpulan, mewujudkan manfaat individu kerana organisasi terus bertambah baik pada masa yang sama.

Reasoning Bagi saya aspek yang paling signifikan utama yang penting dalam pengalaman saya sepanjang dalam mengikuti program ini adalah untuk sentiasa bertindak dengan pantas dan waras. Sebagai contoh, pengalaman yang hampir membuatkan saya rasa berputus asa apabila bahan makanan yang hendak disediakan telah habis.

Kami tidak menunjukkan perasaan terburu buru kami secara terbuka, sebaliknya kami dengan pantas berbincang dan membuat keputusan dengan pantas demi memperbaiki kesilapan tersebut.

Saya telah memahami tindakan pantas dan waras ini membuahkan hasil yang sangat bernas dan tidak bercelaru. Keputusan sebulat suara dari setiap pihak perlu digunapakai dan perlu dipertimbangkan.

Seseorang yang berpengetahuan tinggi dan berpengalaman dengan situasi ini perlu bertindak dengan adil perlukan keberkesanan yang tinggi. Dalam situasi ini ketua kumpulan yang telah dipilih telah pun mempunyai pengalaman dalam memimpin.

Maka dengan itu, telah terbukti bahawa ketua program telah menjalankan tugasnya dengan baik kerana telah memilih ketua kumpulan yang hebat dalam tindakan yang bernas.

Keputusan yang bernas menawarkan kepada pemimpin kunci kepada keputusan yang cepat. Keputusan seseorang pemimpin jelas tertanam dalam jenis keputusan yang dijanjinya. Kemahiran membuat keputusan yang baik bermakna penghapusan kesilapan, peningkatan kadar kejayaan dan keputusan yang cepat dalam melaksanakan inisiatif.

Selain itu, ia juga membantu menjimatkan masa dan tenaga. Satu keputusan dikatakan tidak baik apabila objektif yang ditetapkan tidak dijelaskan, matlamatnya yang hilang dan tenaga yang dibelanjakan akan di sia-sia.

Ia juga menghasilkan objektif yang dirancang dengan cara yang paling efektif. Ia memastikan aktiviti pembuangan masa dalam membuat keputusan dijauhkan daripada proses dalam organisasi.

Reconstructing Apa yang saya akan lakukan dengan berbeza demi masa depan saya jika saya berdepan dengan situasi yang sama, jika ada masalah tentang membuat keputusan, saya akan pastikan di mana saya dahulu memlukan perbincangan dengan yakin dan saya tidak akan menunggu orang lain yang lambat atau malu untuk bersuara.

Saya juga akan pastikan diri saya lebih yakin dalam memimpin rakan taulan saya ke arah yang lebih baik agar mereka tidak menyimpang dari jalan yang benar.

Saya yakin di masa yang akan datang situasi seperti ini pasti akan berulang. Dengan lebih tepat bila ia akan berlaku ialah bila saya berada di alam pekerjaan. Sebagai contoh di alam pekerjaan nanti mempunyai pelbagai karenah yang dari latar belakang yang berbeza seperti pentingkan diri, terlalu malu dalam perbincangan dan sebagainya.

Jadi apa yang saya perlu ubah demi manfaat orang lain ialah dengan saya ubah personaliti saya ke arah yang lebih waras dan berguna serta baik. Dengan melakukan hal seperti ini saya yakin mereka akan terpengaruh untuk bersama-sama mengubah cara hidup mereka yang sukar kepada tenang.

Apendik:







